



19-30 OGOS 2017

# SUKAN SEA KE-29

UTUSAN MALAYSIA 29/8/2017 p. 35

## Pertahan gelaran kali ketujuh

■ KUALA LUMPUR 28 OGOS

**S**KUAD hoki wanita negara menyepakati ramalan mempertahankan pingat emas dalam Sukan SEA Ke-29 selepas menewaskan Thailand dalam saingan akhir dengan keputusan 2-0 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, hari ini.

Ini juga adalah gelaran kali ketujuh berturut-turut diraih skuad wanita dalam kempen Sukan SEA sejak 1997 di Jakarta.

Jurulatih skuad hoki wanita negara, Muhammad Dharma Raj Abdullah berkata, kemenangan tersebut adalah sesuatu yang menggembirakan kerana berjaya dapat menyumbang pingat emas buat Malaysia. "Kami terpaksa bekerja keras untuk mendapatkan kemenangan kerana Thailand beraksi dengan baik hari ini.

"Saya berpuas hati dengan persembahan dipamerkan oleh pemain wanita negara dan pujian juga wajar diberikan kepada mereka," katanya.

Dalam perlawanan tersebut Malaysia dan Thailand mempamerkan rentak permainan seimbang sebelum berupaya mendapatkan jaringan ketika suku keempat.

Penyerang skuad hoki wanita negara, Hanis Nadiah Onn meledak gol pertama hasil jaringan padang minit ke-46 dan seminit selepas itu Nuraini Abdul Rashid menjadikan kedudukan 2-0 seminit menerusi pukulan sudut penalti.



PASUKAN pemain hoki wanita negara meraikan kejayaan selepas menewaskan Thailand dalam perlawanan akhir hoki wanita, semalam.

### FAKTA #ANGKA

MINIT

**46**

Jaringan pertama  
skuad hoki wanita  
menerusi  
Hanis Nadiah Onn